

*Aktiviti
bisnes*

JPP UMT anjur seminar keusahawanan

SH. 30/03/10 8 PG. T16

KUALA

TERENGGANU -

Jabatan Pengurusan dan Pemasaran (JPP) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kini giat mengadakan perancangan rapi untuk menganjurkan Seminar Keusahawanan pada Ogos depan.

Pensyarah JPP, Abdul Manan Ali berkata, seminar itu dijangka disertai 500 pelajar baru dan lama jabatan tersebut.

"Ia bertujuan mengemas kini pengetahuan pelajar mengenai perkembangan dunia keusahawanan di pasaran sama ada dalam mahupun luar negara.

"Pihak kami akan menjemput usahawan tempatan yang telah berjaya mencipta nama di luar negara dalam pelbagai cabang perniagaan sebagai tetamu bagi memberi ceramah.

"Usaha ini perlu untuk memastikan minda pelajar tidak tertumpu terhadap pasaran tempatan semata-mata kerana pasaran global juga boleh diterokai, apakah lagi ramai pelajar yang mempunyai bakat," katanya.



ABDUL MANAN ALI